

CNS7451

U GB 14-10 001.79 BH711

aab

MAHATHIR KATA AKHBAR MALAYSIA BEBAS

Mahathir - akhbnr

Daripada Azman Ujang

I

HONG KONG, 14 Okt (Bernama)-- Akhbar cli Malaysia ticlak +jinak+ tetapi bebas walaupun harian-harian utama memihak dan menyokong kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Ketika menjawab soalan pada jamuan tengah hari anjuran Ke lab Wartawan Asing di sini, Dr Mahathir berkata Akta Rahsia Rasmi (OSA) tidak menyekat kebebasan akhbar dan menafikan bahawa kerajaan bertindak atas wartawan yang melaporkan mengenai salah laku dalam pentadbiran kerajaan.

Beliau diujani soalan-soalan meliputi, antaranya, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), hak keistimewaan Bumiputera dan kebebasan akhbar, selepas berucap mengenai +Masa Depan Kumpulan-kumpulan Serantau+ pada majlis itu.

Seorang wartawan bertanya kepada Perdana Menteri, kenapa kerajaan mengambil tindakan terhadap pemberita-pemberita +dari akhbar jindak anda+ kerana mendedahkan pembelian 22 Volvo oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dibuat tanpa mengikut peraturan.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak bertindak ke atas akhbar clan juga anggota pembangkang tertentu kerana membocorkan maklumat berhubung isu Volvo i tu. -- Lagi

♥14/10/18-14MST

U GB 14-10 00168 BH712

aab

Mahathir - akhbar 2 Hong Kong

+Saya tidak setuju bahawa akhbar di Malaysia jindak tetapi saya akui akhbar-akhbar utama seperti harian-harian berbahasa Inggeris memihak dan menyokong kerajaan,+katanya, sambil menjelaskan bahawa akhbar pro-kerajaan juga terdapat di negara lain.

Beliau memberitahu wartawan-wartawan asing yang hadir pada majlis itu bahawa agak malang yang mereka tidak dapat membaca beberapa akhbar berbahasa tempatan, yang sangat kritikal terhadap kerajaan, bagi membolehkan mereka mendapatkan satu gambaran seimbang mengenai kebebasan akhbar di Malaysia,

Kerajaan, katanya, membenarkan akhbar-akhbar ini terus membidas dan kadangkalanya memfitnah kerajaan dan tokoh-tokoh tertentu, tetapi kebebasan akhbar harus diamalkan dengan mengambil kira undang-undang, termasuk OSA.

Merujuk kepada pendedahan akhbar mengenai pembelian kereta-kereta Volvo i tu, beliau berkata: +Ada baiknya rakyat tahu mengenainya, dan tindakan telah diambil, dan Datuk Banclar Kuala Lumpur telah meletak jawatan kerana dia berasa bertanggungjawab.+

Menurut Dr Mahathir, seperti juga rakyat lain, wartawan tidak terkecual daripada OSA clan harus menghadapi tindakan sekiranya melanggar undang-undang i tu. -- Lagi

♥14/10/18-39MST

UGB 14-10 00126 BH713

aab

Mahathir. - akhbar '3 Hong Kong

Beliau berkata OSA tidak bermaksud untuk membendung maklumat yang tidak baik untuk kerajaan.

+Anda akan menghargai undang-undang seperti OSA jika anda dalam kerajaan. Jika tidak, orang akan bocorkan atau menjual rahsia kerajaan dan akan timbul huru-hara.

+Kita mahukan akhbar yang bertanggungjawab. Akhbar yang terlalu bebas seringkali tidak bertanggungjawab, kata Dr Mahathir.

Beliau juga ditanya sama ada kerajaan mempunyai bukti yang cukup berhubung penahanan pengarah Yayasan Sabah, Datuk Dr Jeffrey Kitingan serta beberapa orang lain pada 1990 kerana merancang mengeluarkan Sabah dari Malaysia.

+Kami mempunyai bukti yang cukup untuk menahannya tetapi bukti itu tidak mencukupi untuk mendakwanya di mahkamah. Sebab itulah kami terpaksa menggunakan ISA, kata beliau. -- Lagi

♥14/10/18-55MST

CNS7555

U GB 14-10 001.44 BH714

nab

Mahathir - akhbar 4 (Akhir) Hong Kong

Perdana Menteri berkata bukti terhadap Kitingan jelas dan kerajaan terpaksa bertindak awal untuk menyekat usaha mengeluarkan Sabah dari Malaysia.

+Itulah caranya kami di Malaysia. Kerajaan perlu mengambil tindakan awal ke atas sebarang ancaman terhadap negara dan keselamatannya, kata beliau.

Ini merupakan asas kestabilan dan kemakmuran ekonomi Malaysia, katanya sambil menyebut sebagai contoh, beberapa negara yang berpecah kerana mereka gagal membanteras ancaman terhadap keselamatan dalam negeri.

Dr Mahathir juga memberitahu wartawan-wartawan itu bahawa beberapa bekas tahanan ISA kini terbabit dalam pentadbiran negara.

+Umpamanya, Menteri Kewangan sekarang pernah ditahan mengikut ISA. Tetapi beliau tidak nampak bahawa ISA perlu dihapuskan, kata beliau.

Mengenai hak keistimewaan kepada Bumiputera, beliau berkata ianya bukan kekal kerana ia akan dihentikan apabila kami dapati Bumiputera mampu bersaing dengan yang lain. -- Bernama

♥14/10/19-16MST